

TEGAKKANLAH KEHORMATAN AGAMA KITA

PAS (Persatuan Islam se-Malaya) cawangan Kota Bharu Kelantan di dalam Satu siaran kepada umat Islam se-Malaya menerangkan bahawa “Persatuan Islam se-Malaya (PAS) ialah pertubuhan siyasah Islam yang tidak bercampur aduk dengan bangsa-bangsa yang bukan Islam yang berujuan menegakkan kemerdekaan negara dan umat Islam. Kami hanya membuat satu telaga dan kami tidak boleh memaksa saudara-saudara mesti meminum air telaga kami. Sesungguhnya kami sayang kalau satu pokok yang dinamakan Melayu yang berumbikan Islam itu akan dikhuatiri oleh jenis anasir pokok yang lain yang harus di dalam masa tidak beberapa lama lagi pokok Melayu itu akan bertukar menjadi pokok Malayan yang berumbikan fikiran semata. Inshā Allāh pokok Melayu ini dapat dipelihara dan disuburkan hanya dengan jalan dijaga umbinya yakni Islamnya maka untuk menjaga umbinya ini bolehkah kita dengan menumpang orang kafir?”

(Oleh ahli PAS Perak)

Di dalam siaran ini nyata dan jelas bahawa dasar tajaan yang dikehendaki oleh PAS ialah pertubuhan yang tidak bercampur aduk dengan bangsa-bangsa yang bukan Islam dengan suatu tujuan untuk menegakkan kemerdekaan bernegara daripada umat Islam sebagaimana menjadi cita-cita bagi umat Islam di mana-mana atau pun seperti cita-cita Masyumi di Indonesia, Mereka hanya membuat suatu tujuan atau haluan dan dengan terangan mereka tidak akan memaksa sesiapa pun mengikutnya atau menyertai tujuan Islam itu. Mereka menghendaki supaya nama Melayu yang berumbikan Islam itu kekal – tidak bertukar kepada dasar lain dan ringkasnya bahawa mereka menghendaki untuk mendapat yang demikian itu tentulah tidak akan dapat selagi kita menumpang kepada orang-orang kafir sama ada yang menjajah

ekonomi atau jadi penjajah. Mereka menghendaki negara Islam yang berdaulat yang tidak pula melupakan hak-hak kafir dhimmī yang diatur oleh Islam – bukan oleh perasaan atau kemahuan sendiri atau perseorangan jua.


Mereka akan memperjuangkan cita-cita Islam mengikut panduan yang ditunjukkan oleh pengajaran Islam – bukannya berpandu kepada kemahuan atau perasaan diri seseorang dan mengikut cita-cita itu makan tidaklah ada sedikit pun salahnya di dalam tujuan menyampaikan cita-cita itu, samada berjaya atau tidak, tidaklah ia berkuasa menentukan kerana sebagai seorang Islam tentulah mereka mengetahui bahawa bukan mereka yang berkuasa menentukan natijah sesuatu kerana yang demikian itu hak Tuhan. Kepada mereka hanya ada suatu kewajipan, sebagai seorang Islam atau sebagai

umat Islam adalah mereka berasa bertanggungjawab untuk menyampaikan tujuan dan cita-cita itu.

Demikian inilah cita-cita orang yang bersifat dan berhati Islam - mereka mendengar perintah-perintah daripada Tuhannya yang disampaikan oleh Rasul-Nya Muhammad (SAW) dengan taat dan patuh mendengar perintah itu dengan hati yang terbuka mereka menyambutnya dan menerimanya serta mentaatinya (*sami'nā wa aṭa'nā*) dengan tidak berperasaan berbelah bahagi lagi.


Mereka seberapa dayanya, sebagai seorang makhluk, dengan hati yang ikhlas dan dengan tidak ada sesuatu tujuan, cuba menunaikan janjinya yang diucapkan lima kali sehari semalam bahawa hidup dan matinya adalah semata-mata kerana Allah Subhānahu wa Ta'ālā, dan kerana Allah

itulah juga ia bekerja untuk menegakkan sebuah negara Islam yang berdaulat yang harus pada masa ini dipandang acuh tak acuh oleh sebahagian pihak. Bekerjalah dengan memandang bahawa buah pekerjaan itu bukan hari ini akan didapat. Bekerjalah untuk menunaikan kewajipan kita untuk menyempurnakan seuruh Tuhan dengan mneyerahkan segala pendapatan dan natijah langkahnya itu kepada Tuhan yang lebih berkuasa. Bekerja sambil berserah kepada kekuasaan -kerana kamu hanya makhluk yang lemah sedang sedang kekuasaan itu di tangan-Nya. Jangan dirasa itu suatu pekerjaan yang mudah mudah atau hanya sedikit pengikutnya tetapi ingatlah Junjungan kita menyerahkan agamanya hanya dimulai dengan empat puluh orang- tidak seramai kita tetapi kerana ia dibantu



Tempat penyiasatan perubatan yang baharu didirikan kerana hendak menambahkan lagi usaha penyiasatan perubatan yang berpusat di Kuala Lumpur.

(Ucapan Tengku Abdul Rahman Yang di-Pertua UMNO di dalam
Persidangan UMNO di Pulau Pinang.)



*Di mana Islam menjalar; di situ tegak berakar tunjang!
Masjid yang indah ini ialah Masjid Bandar Washington
(Amerika Syarikat)*

*

oleh Allah maka ia bersinar ke mana-mana.

Ingatlah bahawa di dalam menyampaikan cita-cita itu banyak halangan dan rintangan yang bakal dihadapi. Ingatlah pada masa Rasulullah ada Abu Jahalnya tetapi mudah-mudahan kita terjauh daripada halangan yang serupa itu kerana kita telah pun mempunyai suatu pendoman yang ditaja oleh Allah dengan disampaikan oleh Junjungan kita Muhammad (SAW).

Janganlah saudara-saudara takut, dengan kerana saudara-saudara menyampaikan barang yang hak sebagai siaran saudara-saudara itu dituduh orang dengan mengatakan bahawa “..... ada pula pertubuhan yang bercorak keagamaan mengeluarkan surat pekeliling menegah orang-orang Melayu daripada berbaik dengan orang kafir. Tujuannya itu hendak merosakkan persahabatan UMNO-MCA, bukanlah tujuannya hendak menghapuskan penjajah, orang-orang itu memandang British bukanlah kafir, hanya tuannya yang patuh dihormati dan disembah”

Biarkan mereka mengata dan mengejek saudara-saudara daripada seruannya yang tulus itu disebutnya saudara, sebagai seorang Islam yang hanya mengEsa Allah semata-mata itu, “menyembah British”. Lidah mereka tidak boleh saudara tahan tetapi ingatlah bahawa Tuhan yang Berkuasa ada bersama saudara memberi pertunjuk kepada saudara- dan saudara sebagai seorang Islam tidak pernah undur daripada menunaikan perintah-Nya, mendengar dan taat, (*sami 'nā wa aṭa 'nā*) – saudara sebagai seorang Islam bekerja kerana Islam tidak akan melanggar tegahannya dengan melakukan pekerjaan yang mungkar tetapi bekerjalah kerana agama dan hadaplah pekerjaan iut sehingga berjaya.

Ikutlah pertunjuk-Nya! Ikutlah jejak Junjungan kita dan sahabat-sahanatnya supaya teguh iman saudara, yakin bahawa Allah akan menolong saudara dan saudara tidak akan mentamsilkan api untuk menukar keyakinan tetapi saudara mengukur bahawa tetap di dalam cita-cita kerana Allah itulah juga nyata dengan tidak mengendahkan segala percubaan dan haru biru dengan seru pekik yang didasarkan semata-mata kepada fikiran bukannya berdasarkan kepada pertunjuk daripada Allah, Inshā Allāh, jika keyakinan mengesakan Tuhan tertanam maka saudara-saudara akan berjuang terus dan tidak gentar menentang sesuatu hatta bom atom atau hidrogen sekalipun.

Kedengkian itu merosakkan iman sebagaimana jadam merosakkan madu- (maksud hadis al-Sharīf)

*

Sebaik-baik usaha itu ialah usaha orang yang bekerja dengan jujur- (maksud hadis al-Sharīf)